

**PENGERTIAN AZAB NERAKA MENURUT AL-QURAN:  
ANALISIS KITAB TAFSIR IBNU KATHIR  
DAN AZ-ZAMAKHSYARI**

1066

ZAIDUL AMIN SUFFIAN BIN AHMAD  
*zaidulamin@kuis.edu.my*  
RAMIZAH BINTI YAHYA  
*ramizahyaha1995@gmail.com*  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

**ABSTRAK**

*Kajian ini akan menganalisis konsep azab neraka dalam juz 'Amma, tumpuan terhadap kitab tafsir Ibnu Kathir dan Az-Zamakhsyari. Matlamat kajian ini adalah untuk menerangkan konsep azab neraka dan mengambil pengajaran darinya. Metodologi kajian ini adalah dengan menganalisis kitab tafsir Ibnu Kathir dan Az-Zamakhsyari yang menceritakan azab neraka pada juz 'amma. Dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan bentuk penafsiran dan rujukan yang digunakan oleh kedua-dua tokoh ini dalam tafsiran mereka.*

*Katakunci: azab, neraka, juz 'amma, tafsir, Ibnu Kathir, az-Zamakhsyari*

**1.0 Pendahuluan**

Al-Quran adalah satu kitab yang suci dan merupakan mukjizat yang terbesar selepas kitab Taurat, Injil, dan Zabur diturunkan. Ia diturunkan untuk menjadi petunjuk dan panduan seluruh umat manusia. Al-Quran juga memberi peringatan kepada manusia akan ketibaan hari kiamat atau hari pembalasan bagi segala perbuatan baik dan buruk agar manusia kekal beriman kepada Allah SWT.

Terdapat banyak surah-surah yang menceritakan perihal azab neraka, akan tetapi kajian ini hanya tertumpu pada surah-surah juz 'amma yang merangkumi 37 surah kesemuanya. 15 surah yang berkaitan dengan azab-azab. Manakala 22 surah lagi tidak berkaitan dengan azab-azab. Antara 15 surah yang menceritakan tentang azab-azab adalah surah An-Naba', An-Nazi'at, Al-Infitar, Al-Mutaffifin, Al-Insyiqaq, Al-Buruj, Al-A'la, Al-Ghasyiyah, Al-Fajr, Al-Lail, Al-'Alaq, Al-Bayyinah, Al-Qari'ah, Al-Humazah, Al-Masad.

Kajian ini akan menganalisis dua kitab tafsir, pertama kitab tafsir Ibnu Kathir oleh Ismail bin Umar Al-Quraishi bin Kathir Al-Bashri Ad-Dimasqi, Imaduddin Abu Al-Fida Al-Hafizh Al-Muhaddits Asy-Sya'i. Beliau lahir pada tahun 701 H/1302 M, wafat tahun 744 H/1373 M. Seorang ahli hadis yang terkemuka dalam urusan fiqh.

Kedua kitab Al-Kasyaf oleh Abd al-Qasim Mahmud Ibn Muhammad Ibn al-Khawarizmi az-Zamasyari. Beliau lahir di Zamakhyar, pada tahun 467 H/1075 M, dan wafat pada tahun 538 H/1143 M. Seorang ahli tafsir yang sangat dalam ilmunya dalam bahasa, khususnya dalam urusan kesusasteraan bahasa Arab. Kitab yang beliau susun di antaranya Tafsir al-Kasyaf, sebuah tafsir yang sangat perlu dipelajari oleh mereka yang hendak mengetahui kepelikan dan keindahan susunan bahasa al-Quran. Walau bagaimanapun, pengarang ini bermazhab mu'tazilah dalam penafsirannya menyebabkan kitabnya di kritik oleh para ulama ahlusunnah. Kitab ini mempunyai 1 jilid di cetak oleh Darul Makrifah, Beirut-Lebanon.

## 2.0 Pengenalan Azab

Azab dari segi bahasa arab adalah عَاقِبَ – يُعَقَّبُ yang bermaksud hukuman, balasan, seksaan, teguran bagi umat yang melanggar larangan agama. (Sarb:2002)

Menurut Kamus Dwibahasa azab dalam bahasa Inggeris iaitu “*punishment*” bermaksud penderitaan dan lain-lain yang dikenakan kepada seseorang (kerana melanggar undang-undang) “*to make the – fit the crime*” menjatuhkan hukuman supaya setimpal dengan kesalahan. (Shahrezab: 2002)

Menurut Prof.Quraish Shihab (2004): Azab adalah suatu kemurkaan Allah akibat pelanggaran yang dilakukan manusia iaitu pelanggaran sunnatullah di alam semesta dan pelanggaran syariat Allah yang diturunkan kepada Nabi dan Rasul-Nya, termasuk Nabi Muhammad SAW.

Dari definisi diatas dapat menyimpulkan bahawa azab adalah suatu peringatan akan kemurkaan Allah pada makhluknya ( manusia ) yang telah melanggar perintah Allah iaitu perbuatan yang dilarang untuk berbuat baik berupa ibadah, amal, iman dan lain-lain, dibalasnya dengan teguran seperti berupa bencana alam.

Manakala maksud azab dari segi istilah pula ialah iqab (hukuman), walaupun sebenarnya terdapat beberapa perbezaan antara keduanya. Iqab dilihat dari sisi bahawa Allah akan menghukum perbuatan-perbuatan hamba-Nya yang menyimpang dari ketentuan-Nya, sedangkan azab dilihat dari sisi bentuk iqab Allah itu sendiri. Dengan kata lain iqab itu adalah nama bagi hukuman Allah, sedangkan azab adalah bentuk dari hukuman Allah. (Mulyani:2009)

## 3.0 Jenis-Jenis Azab Dalam Juz ‘Amma Dan Maksudnya Menurut Ibnu Kathir Dan Az-Zamasyari

Setiap perbuatan buruk manusia yang dilakukan akan dikenakan hukuman, dan hukumannya adalah berbentuk azab atau seksaan. Di dalam al-Quran perkataan azab didatangkan dalam bentuk umum dan khusus. Ini merupakan gambaran di akhirat nanti para penghuni neraka akan menjalani hukuman berupa seksaan yang sangat pedih dalam pelbagai bentuk.

Di dalam al-Quran, surah juz ‘amma adalah yang selalu kita baca di dalam solat tetapi kebanyakan kita masih ramai yang tidak tahu apa maksud di sebalik surah tersebut. Dalam juz ‘amma terdapat 37 surah, tetapi yang berkaitan dengan azab-azab neraka hanya 15 surah sahaja. Antara jenis-jenis azab dalam juz ‘amma adalah:

### 3.1 Azab Kepanasan dan Kehausan.

#### 3.1.1 Surah An-Naba’ ayat 21-26:

إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا ﴿٢١﴾ لِلطَّٰغِيْنَ مَآبًا ﴿٢٢﴾ لَّسِيْنٍ فِيْهَا أَحْقَابًا ﴿٢٣﴾ لَا يَدْخُلُوْنَ فِيْهَا بَرْدًا وَلَا شَرَابًا ﴿٢٤﴾ إِلَّا حَمِيْمًا وَغَسَاقًا ﴿٢٥﴾ جَزَاءً وِفَاقًا ﴿٢٦﴾

Maksudnya: Sungguh, (neraka) Jahanam itu (sebagai) tempat mengintai (bagi penjaga yang mengawasi isi neraka (21), menjadi tempat kembali bagi orang-orang yang melampaui batas (22), mereka tinggal di sana dalam masa yang lama (23),

mereka tidak merasakan kesejukan di dalamnya dan tidak ( pula mendapat ) minuman (24), selain air yang mendidih dan nanah (25), sebagai pembalasan yang setimpal (26).

Menurut tafsir Ibnu Kathir (إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا) “Sesungguhnya neraka Jahanam itu (padanya) ada tempat pengintai”, yakni, tempat pengintai yang sudah disiapkan, (لِلطَّاغُوتِ) “Bagi orang-orang yang melampaui batas,” yakni mereka adalah para penentang, para pelaku kemaksiatan, dan para pembangkang kepada Rasul, (مَأْتًا) menjadi tempat kembali, yakni menjadi tempat kembali dan tempat menetap.

Mengenai firman Allah Ta’ala: (إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا) “Sesungguhnya neraka Jahanam itu (padanya) ada tempat pengintai”, al-Hasan dan Qatadah mengatakan: “Ertinya, sesungguhnya tidak ada seorang pun masuk syurga sehingga dia menyeberangi neraka, jika dia boleh menyeberanginya, maka dia akan selamat dan jika tidak, maka dia akan ditahan di neraka.

Dan firman Allah Ta’ala, (لَا يَذُوقُونَ فِيهَا بَرْدًا وَلَا شَرَابًا) mereka tinggal di dalamnya berabad-abad lamanya, maksudnya mereka tinggal di neraka itu. Firman Allah Ta’ala, (لَا يَذُوقُونَ فِيهَا بَرْدًا وَلَا شَرَابًا) “Mereka tidak merasakan kesejukan di dalamnya dan tidak ( pula mendapat ) minuman,” maksudnya di neraka mereka tidak mendapatkan sesuatu yang dingin bagi hari mereka dan tidak juga mendapatkan minuman segar yang dapat mereka minum. Oleh kerana itu, Allah Ta’ala berfirman, (إِلَّا حَمِيمًا وَغَسَّاقًا) “Selain air yang mendidih dan nanah.” Abul ‘Aliyah mengatakan: “Dikecualikan dari dingin adalah panas dan dari minuman itu nanah.” Demikian pula yang dikemukakan oleh ar-Rabi’ bin Anas. Adapun *al-Hamiim* bererti panas yang mencapai puncaknya. Sedangkan *al-ghassaaq* bererti nanah, keringat, air mata, dan luka para penghuni neraka yang berkumpul, ia sangat dingin, rasa dinginnya tidak dapat sentuh oleh manusia dan bau busuknya tidak dapat didekati. Dan pembicaraan tentang *al-ghassaaq* telah disajikan pada pembahasan surah Şād āyāt 57.

Dan firman-Nya, (حَزَاءٌ وَفَاقًا) “Sebagai pembalasan yang setimpal”, yakni semua yang mereka alami seperti hukuman, adalah sesuai dengan amal perbuatan mereka yang tidak benar yang mereka kerjakan semasa di dunia. Demikian yang dikemukakan oleh Mujahid, Qatadah, dan lain-lain. (Ibnu Kathir: 2008)

Menurut tafsir az-Zamakhshari maksud perkataan مرصادا adalah batasan yang menjadi tempat pengintaian. Maksudnya neraka jahanam adalah batasan orang-orang yang melampaui batas yang diintai untuk disiksa. Dan itu adalah tempat kembali mereka atau jahanam itu adalah tempat pembatas penduduk syurga yang menjadi batas para malaikat menyambut mereka, kerana jahanam itu kembalinya orang-orang yang melampaui batas. Dari Imam Hasan dan Qatadah, keduanya berkata; jahanam itu jalan dan tempat laluan bagi penduduk syurga. Ibnu Ya’mar berpendapat bahawa neraka jahanam menjadi sebab adanya hari kiamat, kerana itulah kembalinya orang-orang yang melampaui batas. Seolah-olah dikatakan jahanam itu ada untuk dijadikan tempat balasan.

Dibaca ليشين atau لایشين. Tetapi yang kedua ini lebih kuat. Kerana erti yang pertama menunjukkan orang yang mendapatkan tempat tinggal. أحقابا maksudnya berabad-abad. Setiap satu abad yang berakhir akan disusuli oleh abad yang lain tanpa tiada penghujungnya. Dikatakan الحقب adalah 80 tahun dan boleh juga diertikan dia tinggal berabad-abad tanpa

merasakan sejuk dan minuman kecuali air yang menggelegak (sangat panas) dan nanah. Kemudian selepas berabad-abad, seksaan itu diganti dengan yang lain selain air yang panas dan nanah. Satu pendapat lain, seperti satu musim hujan tidak turun lama, air sedikit dan kebanyakannya kurang, maka menyebabkan orang yang mendengarnya menjadi ketakutan. Maksudnya, mereka tinggal dalam jahanam itu beberapa masa kerana penentangannya.

Mereka tidak merasakan rasa sejuk dan minuman, iaitu *Istisna` munqati`*. Maksudnya, mereka tidak merasakan sejuk dan ruh yang boleh bernafas kerana panasnya api neraka dan tidak mendapatkan minuman yang boleh menghilangkan kehausan mereka. Akan tetapi mereka merasakan air yang menggelegak dan nanah. Dikatakan; mereka tidak mendapatkan sejuk yang dapat menyebabkan tidur. Satu syair dikatakan; jika kamu menghendaki, maka diharamkan perempuan-perempuan selain kamu dan jika kamu menghendaki, saya tidak akan merasakan keperitan dan rasa sejuk. Sebahagian orang Arab mengatakan; rasa sejuk menghalangi rasa sejuk yang lain.

غساقا boleh dibaca sin itu dengan sabdu atau tiada. Iaitu sesuatu menjadi nanah. Maksudnya, nanah yang bercampur darah itu mengalir. Sebagai balasan yang setimpal (layak atau patut) yang bermaksud وفاقا - masdar. Maksudnya mempunyai kesesuaian. (Al-Zamakhsyari: 2009)

Analisis dalam surah ini, menurut kedua-dua tafsiran ia mengatakan azab neraka jahanam itu adalah untuk orang-orang yang melampaui batas dan untuk disiksa kerana mereka telah menentang, membuat maksiat kepada Rasulnya. Mereka juga diazab dengan tidak akan mendapat minuman selain air yang mendidih dan nanah. Kerana itulah apa yang mereka alami ini adalah hukuman sesuai dengan perbuatan mereka di dunia. Selain itu, mereka tinggal menetap di dalam selama-lamanya (neraka).

### 3.1.2 Surah Al-Ghāsiyyah ayat 4-6:

تَصَلَّى نَارًا حَامِيَةً ۖ تُسْقَى مِنْ عَيْنٍ آتِيَةٍ ۖ لَيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِنْ ضَرِيحٍ ۖ

Maksudnya: Mereka memasuki api yang sangat panas (neraka) (4), diberi minum dari sumber mata air yang sangat panas (5), tidak ada makanan bagi mereka selain dari pohon yang berduri (6).

Menurut tafsir Ibnu Kathir mengenai Firman-Nya, (تَصَلَّى نَارًا حَامِيَةً) “Memasuki api yang sangat panas,” Ibnu ‘Abbas, al-Hasan dan Qatadah mengatakan: “Yakni benar-benar sangat panas,” (تُسْقَى مِنْ عَيْنٍ آتِيَةٍ) “Diberi minum dengan air dari sumber yang sangat panas”. Maksudnya, panas dan didihnya telah sampai pada puncaknya. Demikian yang dikemukakan oleh Ibnu ‘Abbas, Mujahid, al-Hasan, dan as-Suddi.

Dan firman Allah Ta’ala, (لَيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِنْ ضَرِيحٍ) “Mereka tidak memperoleh makanan selain dari pohon yang berduri.” Ali bin Abi Thalhaf meriwayatkan dari Ibnu ‘Abbas: Iaitu pohon dari neraka.” Sedang Sa’id bin Jubair mengemukakan: Yakni pohon Zaqqum.” Mujahid mengatakan: ‘*Adh-dharii*’ bererti sebuah tumbuhan yang diberi nama asy-Syibra, oleh penduduk Hijaz diberi nama ‘*adh-dharii*’ jika sudah mengering. Dan pohon tersebut beracun. (Ibnu Kathir: 2008)

Menurut tafsir az-Zamakhsyari *أنيّة* yang bermaksud puncak kepanasan. Seperti firman Allah dalam surah al-rahman ayat 44; mereka berulang-ulang antara neraka dan air panas mendidih.

Az-Zamakhshari juga mentafsirkan ضَرِيحٌ sebagai sejenis tumbuhan yang berduri yang dimakan oleh unta semasa ia lembut, dan apabila ia kering dan keras ia akan bertukar menjadi racun yang berbisa dan akan dijauhi oleh haiwan-haiwan. Menurut beliau lagi ayat ini menggambarkan bahawa sebenarnya tiada makanan bagi golongan tersebut semasa dalam neraka kelak kerana ضَرِيحٌ itu sendiri tidak menjadi makanan haiwan apatah lagi manusia.

Jika kamu berkata, bagaimana boleh dikatakan ‘mereka tiada memperoleh makanan selain dari pohon yang berduri’, maka dalam neraka itu tidak ada makanan kecuali cairan yang mengalir dari daging kulit ahli neraka yang sangat panas. Saya menjawab; seksaan itu berbagai-bagai dan orang yang disiksa ada tingkatannya. Sebahagian mereka makan buah zaqum, ada yang makan cairan daging yang amat panas, ada yang makan pohon berduri. Setiap pintu neraka mempunyai bahagian masing-masing. (Al-Zamakhshari: 2009)

Analisis dalam surah ini, menurut kedua-dua tafsiran mereka mengatakan azab yang diterima di dalam neraka ini adalah diberi minuman dari air yang panas dan mendidih selain makanan yang di perolehi oleh mereka hanya pohon yang berduri iaitu pohon dari neraka.

### 3.1.3 Surah Al-Qari’ah ayat 9-11:

فَأُمُّهُ هَاوِيَةٌ ﴿٩﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا هِيَ ﴿١٠﴾ نَارٌ حَامِيَةٌ ﴿١١﴾

Maksudnya: Maka tempat kembalinya adalah neraka Hawiyah (9), dan tahukah kamu apakah neraka Hawiyah itu? (10), (iaitu) api yang sangat panas (11).

Menurut tafsir Ibnu Kathir adapun firman Allah Ta’ala, ( فَأُمُّهُ هَاوِيَةٌ ) “Maka tempat kembalinya adalah neraka Hawiyah.” Ada yang mengatakan: maksudnya, maka dia akan jatuh ke neraka Jahanam dengan kepala di bawah. Dia mengungkapkan dengan menggunakan kata *ummuhu* yang bererti otaknya. Hal ini diriwayatkan dari Ibnu ‘Abbas, ‘Ikrimah, Abu Shalih, dan Qatadah. Ada juga yang berpendapat: “maksudnya, tempat yang menjadi rujukan dan kembalinya kepada hari kebangkitan kelak adalah neraka Hawiyah.” Hawiyah ini adalah salah satu nama neraka. Ibnu Jarir mengatakan, “Hawiyah disebut dengan sebutan *ummuhu* (induknya), kerana tidak ada tempat kembali baginya kecuali neraka tersebut. Oleh kerana itu, Allah Ta’ala berfirman seraya menafsirkan kata Hawiyah, firman-Nya, ( وَمَا أَدْرَاكَ مَا هِيَ ) “Dan tahukah kamu apakah neraka Hawiyah itu?” Iaitu, api yang sangat panas. Firman-Nya ( نَارٌ حَامِيَةٌ ) “Kerana neraka itu benar-benar sangat panas dan mempunyai kobaran dan sengatan yang sangat kuat (Ibnu Kathir: 2008) Abu Mush’ab meriwayatkan dari Abu Hurairah bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda:

(( نار بنى آدم التي توقدون جزءا من نار جهنم. ))

“Api anak cucu Adam yang biasa kalian nyalakan itu hanya satu bahagian dari tujuh puluh bahagian neraka Jahanam.”

Para sahabat bertanya, “Wahai Rasulullah, satu bahagian saja sudah sangat cukup?” Beliau menjawab, “Sesungguhnya satu bahagian api itu masih ditambah

lagi dengan enam puluh sembilan bahagian.” Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Menurut tafsir az-Zamakhshari apabila seseorang memanggil dengan maksud celaka, maka disebut هَوْتُ أَمَةٍ. Maksudnya, dia jatuh dan hancur, maka sungguh celaka dengan ditimpa bencana dan rasa sedih. Seolah-olah dikatakan; sesiapa yang ringan timbangannya maka sungguh celaka. Dikatakan; Hawiyah adalah langit neraka. Seolah-olah neraka Hawiyah itu neraka yang dalam bagi ahli neraka. Jaraknya sangat jauh. Diriwayatkan jauhnya seperti 70 kali musim gugur. Maksudnya; kembalinya mereka adalah neraka. Dari Imam Qatadah; maksud ayat ‘kembalinya mereka adalah neraka Hawiyah’ iaitu hujung neraka Hawiyah itu di dasar neraka jahanam, kerana dia dilemparkan secara terbalik (seperti bayi yang baru lahir). (Al-Zamakhshari: 2009)

Nabi s.a.w bersabda; sesiapa yang membaca surah al-Qariah, Allah akan memperberat timbangannya di hari kiamat’. (Imam Bukhari)

Analisis dalam surah ini, menurut tafsiran Ibnu Kathir ini azab yang akan diperolehi adalah dia akan jatuh ke neraka jahanam dengan kepala di bawah, beliau juga menafsirkan ayat ini dengan memberi penerangan menggunakan hadis dari Bukhari dan Muslim tentang api anak cucu Adam itu satu bahagian dari tujuh puluh bahagian neraka jahanam. Manakala menurut tafsiran az-Zamakhshari, beliau mengatakan azab yang diterima oleh mereka adalah mereka akan dikembalikan ke neraka jahanam iaitu hujung neraka hawiyah itu di dasar jahanam, kerana dia akan dilemparkan secara terbalik.

### 3.2 Azab Kekal Selamanya Dalam Neraka

#### 3.2.1 Surah Al-Infitar ayat 14-16:

وَإِنَّ الْفُجَّارَ لَفِي حَجِيمٍ ﴿١٤﴾ يَصْلَوْنَهَا يَوْمَ الدِّينِ ﴿١٥﴾ وَمَا هُمْ عَنْهَا بِغَائِبِينَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: Dan sesungguhnya orang-orang yang derhaka benar-benar berada dalam neraka (14), mereka masuk ke dalamnya pada hari pembalasan (15), dan mereka tidak mungkin keluar dari neraka itu (16).

Menurut tafsir Ibnu Kathir Allah Ta’ala memberitahu tentang akhir bagi orang-orang yang berbuat baik, iaitu berupa kenikmatan. Iaitu mereka mentaati Allah dan tidak membalas-Nya dengan berbagai perbuatan maksiat. Setelah itu, Dia juga menceritakan tentang kesudahan bagi orang-orang yang berbuat kejahatan, iaitu berupa neraka dan azab yang abadi. Oleh kerana itu, Dia berfirman, ( يَصْلَوْنَهَا يَوْمَ الدِّينِ ) “Mereka masuk ke dalamnya pada hari pembalasan. Yakni hari perhitungan, pemberi balasan, dan hari Kiamat. ( وَمَا هُمْ عَنْهَا بِغَائِبِينَ ) “Dan mereka sekali-kali tidak dapat keluar dari neraka itu.” Maksudnya mereka tidak akan lepas dari azab walau hanya sesaat saja, dan tidak juga mereka diringankan dari azab-Nya, serta tidak juga dikabulkan permohonan mereka agar dimatikan saja atau dibiarkan beristirahat walau hanya satu hari saja. (Ibnu Kathir:2008)

Menurut tafsir az-Zamakhshari para pencatit telah menulis amal-amalmu untuk diberi balasan. Oleh sebab itu, setiap perkara yang akan dihisab dan diberi balasan nanti sebab

catitan yang terjaga dari para malaikat yang mulia itu. Ini merupakan peringatan dan ancaman kepada ahli maksiat dan sebaliknya kelembutan kepada orang-orang yang beriman.

Diriwayatkan dari Imam al-Fudail ketika membaca ayat di atas. Dia berkata; sungguh sangat keras peringatan tersebut kepada orang-orang yang lalai.

Dan mereka tidak akan terlepas dari seksaan neraka itu yang bermaksud seperti firman Allah yang lain dalam surah al-Maidah ayat 37 ‘dan mereka tidak dapat keluar dari api neraka itu’. Ayat itu boleh dimaksudkan bahawa mereka akan masuk neraka pada hari kiamat dan tidak akan terlepas darinya sebelum itu, iaitu dalam kubur mereka (akan disiksa juga). Satu pendapat mengatakan Allah memberitahu keadaan ini memandangkan semua manusia mempunyai tiga keadaan. Pertama, masa hidup di mana perbuatan telah menjaganya kedua, masa di akhirat yang akan membalas perbuatannya ketiga, keadaan dalam alam barzakh. Itulah maksud firman Allah tersebut ‘mereka tidak akan lepas dari seksaan neraka itu’. (Al-Zamakhshyari: 2009)

Analisis dalam surah ini adalah, menurut kedua-dua tafsiran, mereka yang berbuat kejahatan, maksiat akan mendapat azab neraka yang kekal abadi dan mereka juga tidak akan terlepas azab walau sesaat.

### 3.2.2 Surah Al-Mutaffifin ayat 16-17:

ثُمَّ إِنَّهُمْ لَصَالُوا الْجَحِيمِ ﴿١٦﴾ ثُمَّ يُقَالُ هَذَا الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تُكَذِّبُونَ ﴿١٧﴾

Maksudnya: Kemudian, sesungguhnya mereka benar-benar masuk neraka (16), kemudian dikatakan (kepada mereka), “Inilah (azab) yang dahulu kamu dustakan (17).

Menurut tafsir Ibnu Kathir firman Allah Ta’ala, (ثُمَّ إِنَّهُمْ لَصَالُوا الْجَحِيمِ) “Kemudian, sesungguhnya mereka benar-benar masuk neraka”. Maksudnya selain mereka diharamkan melihat Rabb yang Maha Pemurah, mereka juga termasuk dalam penghuni neraka. (ثُمَّ يُقَالُ هَذَا الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تُكَذِّبُونَ) “Kemudian, dikatakan (kepada mereka): ‘Inilah azab yang dahulu selalu kamu dustakan’”. Yakni, hal itu akan dikatakan kepada mereka dengan maksud mencaci, menjelekkkan, merendahkan dan menghina mereka. (Ibnu Kathir:2008)

Menurut tafsir az-Zamakhshyari dalam kitabnya ia tidak memberi huraian pada maksud ayat tersebut. (Al-Zamakhshyari: 2009)

Analisis dalam surah ini, menurut tafsiran Ibnu Kathir mereka termasuk dalam penghuni neraka dan azab yang dimaksudkan oleh Ibnu Kathir adalah mencaci, menjelekkkan, merendahkan dan menghina mereka. Manakala dalam kitab tafsir az-Zamakhshyari ia tidak memberi huraian pada ayat tersebut.

### 3.2.3 Surah Al-Alaq ayat 15-16:

كَلَّا لَئِن لَّمْ يَنْتَه لِنَسْفَعَا ﴿١٥﴾ بِالنَّاصِيَةِ نَاصِيَةٍ كَذِبَةٍ خَاطِعَةٍ ﴿١٦﴾

Maksudnya: Sekali-kali tidak! Sungguh, jika dia tidak berhenti (berbuat demikian) nescaya Kami tarik ubun-ubunnya (ke dalam neraka) (15), (iaitu) ubun-ubun orang yang mendustakan dan derhaka (16).

Menurut tafsir Ibnu Kathir dengan nada mengancam, Allah Ta'ala berfirman, ( كَلَّا لَئِن لَّمْ يَنْتَه ) “Ketahuilah, sungguh jika dia tidak berhenti,” Yakni jika dia tidak kembali dari keingkaran dan pembangkangannya itu, ( لَنْسُفَعَا بِالنَّاصِيَةِ ) “Nescaya Kami tarik ubun-ubunnya”, yakni Kami akan warnai dia dengan warna hitam pada hari kiamat kelak. Selanjutnya, Dia berfirman, ( نَاصِيَةٍ كَاذِبَةٍ خَاطِئَةٍ ) “Iaitu ubun-ubun orang yang mendustakan lagi derhaka.” Iaitu ubun-ubun Abu Jahal yang penuh kebohongan dalam ucapannya dan menyimpang dalam perbuatannya. (Ibnu Kathir: 2008)

Menurut tafsir az-Zamakhsyari (كلا) yang bermaksud menolak Abu Jahal dan mengusirnya dari larangannya untuk beribadah kepada Allah s.w.t dan perintahnya untuk beribadah kepada al-lata. Kemudian Allah berfirman, jika dia tidak berhenti dari apa yang diperbuatnya ‘nescaya akan Kami tarik ubun-ubunnya’. Sungguh kami akan mengambil kepalanya dan melemparkannya ke dalam neraka. Maksud السفع adalah mencabut sesuatu dan menariknya dengan kuat. (Al-Zamakhsyari: 2009)

Analisis dalam surah ini adalah, menurut kedua-dua tafsiran, azab yang akan diterima jika Abu Jahal tidak berhenti perbuatannya iaitu melarang untuk berbuat kebaikan, nescaya Allah akan tarik ubun-ubun (iaitu kepalanya yang penuh pendustaan) lalu dilemparkan ke dalam neraka.

### 3.2.4 Surah Al-Bayyinah ayat 6:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا أُولَئِكَ هُمْ شَرُّ الْبَرِيَّةِ ﴿٦﴾

Maksudnya: Sungguh, orang-orang kafir dari golongan ahli kitab dan orang-orang musyrik (akan masuk) ke neraka di dalamnya selama-lamanya. Mereka itu adalah sejahat-jahat makhluk.

Menurut tafsir Ibnu Kathir Allah Ta'ala mengabarkan tentang tempat kembali orang-orang jahat dari orang-orang kafir Ahlul Kitab dan juga orang-orang musyrik yang menolak Kitab-kitab Allah yang diturunkan serta menentang Nabi-nabi Allah yang diutus, bahawa pada hari Kiamat kelak tempat mereka adalah neraka Jahanam, mereka kekal di dalamnya, maksudnya tidak akan pindah dari neraka itu untuk selamanya.

(أُولَئِكَ هُمْ شَرُّ الْبَرِيَّةِ) “Mereka itu adalah seburuk-buruk makhluk.” Yakni seburuk-buruk makhluk yang diciptakan dan diadakan oleh Allah. (Ibnu Kathir:2008)

Menurut tafsir az-Zamakhsyari “Sesungguhnya orang kafir daripada golongan ahli kitab dan orang musyrik (akan masuk) ke dalam neraka jahanam; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Mereka itu adalah sejahat-jahat makhluk”.



Maksudnya, jika kamu berkata, apakah maksud firman Allah s.w.t “dan tidak diperintahkan mereka kecuali untuk beribadah kepada Allah”. Aku menjawab; ertinya, dan tidak diperintahkan dalam semua kitab-kitab suci kecuali untuk menyembah Allah s.w.t atas sifat ini. (Al-Zamakhsyari: 2009)

Analisis dalam surah ini, menurut kedua-dua tafsiran, azab yang akan diterima oleh orang-orang yang menentang Nabi-nabi Allah dan musyrik kepadaNya adalah mereka akan mendapat neraka jahanam dan mereka tidak akan dipindahkan dari neraka itu untuk selamanya.

### 3.3 Azab Yang Pedih Membakar.

#### 3.3.1 Surah Al-Insyiqaq ayat 12 dan 24:

وَيَصَلِّي سَعِيرًا فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿١٢﴾

Maksudnya: Dan dia akan masuk ke dalam api yang menyala-nyala (neraka) (12), maka sampaikanlah kepada mereka (ancaman) azab yang pedih (24).

Menurut tafsir Ibnu Kathir firman Allah Ta’ala, ( وَيَصَلِّي سَعِيرًا ) “Dan dia akan masuk ke dalam api yang menyala-nyala (neraka). Sesungguhnya dia dahulu (di dunia) bergembira di kalangan kaumnya (yang sama-sama kafir)”. Yakni dalam keadaan senang dengan tidak memikirkan akibat yang akan diterima serta tidak juga takut terhadap apa yang akan diterimanya kelak, sehingga kegembiraan yang sangat sebentar itu diganti dengan kesedihan yang berkepanjangan.

( فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ) “Maka beri khabar gembiralah mereka dengan azab yang pedih”, yakni beritahukanlah hai Muhammad, kepada mereka bahwa Allah telah menyiapkan bagi mereka azab yang amat pedih. (Ibnu Kathir: 2008)

Menurut tafsir az-Zamakhsyari “dan dia akan masuk ke dalam api yang menyala-nyala” maksudnya makna perkataan وَيَصَلِّي سَعِيرًا sama dengan firman Allah yang lain dalam surah al-waqiah ayat 94; وَتَصَلِّيَةٌ جَحِيمٍ. “Maka sampaikanlah kepada mereka akan azab yang berat” yang bermaksud kerana mereka telah mengumpulkan amalan-amalan buruk dalam suhufnya dan menghinakan dirinya sendiri dengan seksaan. (Al-Zamakhsyari: 2009)

Analisis dalam surah ini adalah, menurut kedua-dua tafsiran ini, azab yang akan diterima oleh mereka iaitu dia akan masuk ke dalam api yang menyala-nyala (neraka) kerana di dunia mereka (sama-sama kafir) bersenang-lenang tanpa memikirkan akibat yang akan diterimanya. Lalu berilah khabar kepada mereka bahawa Allah akan menyiapkan azab yang pedih atau berat kepadanya.

#### 3.3.2 Surah Al-Lail ayat 14-15:

فَأَنْذَرْتُكُمْ نَارًا تَلَظَّى ﴿١٤﴾ لَا يَصْلَاهَا إِلَّا الْأَشْقَى ﴿١٥﴾

Maksudnya: Maka Aku memperingatkan kamu dengan neraka yang menyala-nyala (14), yang hanya dimasuki oleh orang yang paling celaka (15).

Menurut tafsir Ibnu Kathir firman Allah Ta'ala, ( فَأَنْذَرْتُكُمْ نَارًا تَلَظَّى ) “Maka, Kami memperingatkanmu dengan neraka yang menyala-nyala,” Mujahid mengatakan: “Yakni berkobar-kobar”. Imam Ahmad meriwayatkan, Muhammad bin Ja'far memberitahu kami, Syu'bah memberitahuku, Abu Ishaq memberitahuku, aku pernah mendengar an-Nu'man bin Basyir berkutbah seraya berkata: “Aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

(( إن أهون أهل النار عذابا يوم القيامة رجل توضع في أحمص قدميه جمرتان يغلي منهما دماغه ))

“Sesungguhnya penghuni neraka yang paling ringan seksaannya adalah orang yang pada kedua telapak kakinya diletakkan dua bara api yang keduanya membuat otaknya mendidih.” (HR. Al-Bukhari).

Firman Allah Ta'ala, ( لَا يَصْلَاكَ إِلَّا الْأَشْقَى ) “Tidak ada yang masuk ke dalamnya kecuali orang yang paling celaka.” Yakni tidak ada yang memasukinya dengan dikepung api dari semua penjuru melainkan orang yang paling celaka. (Ibnu Kathir: 2008)

Imam Ahmad meriwayatkan dari Abu Hurairah, dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

قال رسول الله "كل أمي تدخل يوم القيامة إلا من أبي". ومن يأبى يا رسول الله؟ قال رسول الله "من أطاعني دخل الجنة ومن عصاني فقد أبى".

“Setiap ummatku akan masuk syurga pada hari Kiamat kelak, kecuali orang yang enggan.”

Para sahabat bertanya: Siapakah orang yang enggan itu, wahai Rasulullah?

Beliau menjawab:

“Barangsiapa mentaatiku maka dia akan masuk syurga dan barangsiapa bermaksiat kepadaku bererti dia telah enggan”. (HR. Al-Bukhari).

Menurut tafsir az-Zamakhsyari Abu Zubair membacanya تَلَظَّى, jika kamu berkata, bagaimana Allah berfirman ‘tidak akan masuk ke dalamnya (neraka) kecuali orang yang celaka dan dijauhkan darinya orang yang paling bertakwa’. Sungguh telah diketahui bahawa setiap orang yang celaka akan masuk neraka dan setiap orang yang bertaqwa akan menjauhinya. Sesungguhnya api neraka yang dimaksudkan adalah khusus kepada orang yang paling celaka. Maka dijauhkan darinya orang yang paling bertaqwa – surah al-layl ayat 17. Sungguh telah diketahui bahawa orang yang paling fasiq di kalangan orang mukmin akan dijauhkan dari neraka khusus itu, apalagi orang yang paling bertaqwa. Saya (pengarang) mengatakan; ayat tersebut datang sebagai perbandingan dalam dua keadaan antara orang musyrik dan orang mukmin. Maka sifat keduanya bertentangan. Dikatakan; orang yang paling celaka seolah-olah mereka memasuki neraka yang diciptakan khas kepada mereka itu. Dikatakan; orang yang paling bertaqwa yang selamat dari api neraka itu seolah-olah syurga itu diciptakan khas untuknya. Dikatakan; keduanya adalah Abu Jahal atau Umayyah bin Khalaf dan Abu Bakar al-Siddiq. (Al-Zamakhsyari: 2009)

Analisis dalam surah ini, menurut tafsiran Ibnu Kathir dalam menafsirkan ayat di atas beliau memberi penerangan dengan menggunakan hadis dari Bukhari iaitu azab atau seksaan yang paling ringan adalah diletakkan dua bara api pada kedua telapak kakinya. Ibnu Kathir dan az-Zamakhshari juga mengatakan orang yang masuk ke dalamnya (neraka) adalah orang yang paling celaka dan ia adalah khusus kepadanya.

### 3.3.3 Surah Al-Buruj ayat 10:

إِنَّ الَّذِينَ فَتَنُوا الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا فَلَهُمْ عَذَابٌ جَهَنَّمَ وَهُمْ  
عَذَابُ الْحَرِيقِ

Maksudnya: Sesungguhnya, orang-orang yang mendatangkan cubaan (bencana, membunuh, menyiksa) kepada orang-orang mukmin lelaki dan perempuan lalu mereka tidak bertaubat, maka mereka akan mendapat azab Jahanam dan mereka akan mendapat azab (neraka) yang membakar.

Menurut tafsir Ibnu Kathir firman Allah Ta'ala, (إِنَّ الَّذِينَ فَتَنُوا الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا فَلَهُمْ عَذَابٌ جَهَنَّمَ) (وَلَهُمْ عَذَابُ الْحَرِيقِ) “Sesungguhnya orang-orang yang mendatangkan cubaan kepada orang-orang mukmin lelaki dan perempuan,” yakni dengan membakar mereka. Demikian yang dikemukakan oleh Ibnu ‘Abas, Mujahid, Qatadah, adh-Dhāhhak, dan Ibnu Abza. (ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا) “Kemudian mereka tidak bertaubat,” tidak melepaskan diri dari apa yang telah mereka lakukan dan tidak pula menyesalinya.

(فَلَهُمْ عَذَابٌ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابُ الْحَرِيقِ) “Maka bagi mereka azab Jahanam dan bagi mereka azab (neraka) yang membakar.” Yang demikian itu kerana balasan itu sesuai dengan amal perbuatan. Al-Hasan al-Bashri mengungkapkan: “Lihatlah pada kemurahan dan kedermawan ini. Mereka telah membunuh para wali-Nya, tetapi Dia justeru mengajak mereka untuk bertaubat dan memohon ampun”. (Ibnu Kathir: 2008)

Menurut tafsir az-Zamakhshari “sesungguhnya orang-orang yang memfitnah (menyiksa) orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, kemudian mereka tidak bertaubat, maka bagi mereka (neraka) jahanam dan azab yang membakar.” Maksudnya, orang-orang itu adalah mereka yang memfitnah kepada ‘ashabul ukhdud (penggali parit) dan orang-orang mukmin yang tersakiti dalam peristiwa penggalian parit tersebut. Maksudnya mereka telah memfitnah mereka, menyeksanya dengan api serta membakarnya. Maka balasan bagi mereka di akhirat kelak adalah seksa neraka jahanam sebab kekufurannya. Dan mereka juga disiksa dengan azab yang membakar iaitu api lain yang terus menerus membesar sepertimana yang mereka lakukan kepada orang-orang mukmin (ashabul ukhdud). Atau (makna lain ayat) mereka mendapatkan seksa jahanam di akhirat dan seksa yang membakar di dunia. Sepertimana satu riwayat yang mengatakan bahawa api neraka itu bertukar-tukar untuk membakar mereka. Tafsir lain dari ayat “orang-orang yang memfitnah orang mukmin” maksudnya menguji mereka dengan menyakiti secara umum serta memfitnah orang-orang mukmin. Bagi orang yang suka memfitnah akan mendapatkan dua balasan di akhirat kerana kekafiran dan fitnah yang mereka lakukan. (Al-Zamakhshari: 2009)

Analisis dalam surah ini adalah, menurut kedua-dua tafsiran ini jika mereka tidak bertaubat setelah apa yang mereka lakukan, maka mereka akan menerima azab jahanam dan bagi

mereka azab (neraka) yang membakar. Az-Zamakhshari juga mengatakan mereka akan mendapat seksa jahanam di akhirat dan seksa yang membakar di dunia.

### 3.3.4 Surah al-Humazah ayat 6-7:

نَارُ اللَّهِ الْمُوقَدَةُ ﴿٦﴾ الَّتِي تَطَّلُعُ عَلَى الْأَفْئِدَةِ ﴿٧﴾

Maksudnya: (Iaitu) api (azab) Allah yang dinyalakan (6), yang (membakar) sampai ke hati (7).

Menurut tafsir Ibnu Kathir, Allah berfirman: ( نَارُ اللَّهِ الْمُوقَدَةُ الَّتِي تَطَّلُعُ عَلَى الْأَفْئِدَةِ ) “Iaitu api (yang disediakan) Allah yang dinyalakan, yang (membakar) sampai ke hati.” Tsabit al-Bannani mengatakan: “Api membakar mereka sampai ke dalam hati, sedang ketika itu mereka dalam keadaan hidup.” Kemudian dia mengatakan: “Azab itu sudah ada yang menimpa beberapa orang dari mereka. Dan setelah itu, dia menangis.” Muhammad bin Ka’ab mengatakan: “Api itu memakan segala sesuatu dari tubuhnya sehingga ketika api sampai di hatinya mendekati tenggorokkannya, api itu kembali ke jasadnya.” (Ibnu Kathir: 2008)

Menurut tafsir az-Zamakhshari “(Sekali-kali tidak)” bermaksud ditolak masa hisab. Dibaca juga لينبذان – dengan alif. Dia dilempar ke neraka bersama hartanya. Kalau ذ dibaca dommah, maka ertinya dia dilempar dalam neraka bersama penyokong-penyokongnya. (neraka Huthamah) neraka yang menghancurkan semua manusia yang dilempar ke dalamnya.

Neraka jahanam yang menguasai orang yang masuk ke dalamnya. Boleh juga dimaksudkan adalah hati-hati orang kafir kerana ia tempat jiwa mereka, aqidah yang rosak dan niat yang buruk. Maksudnya, api masuk ke dalam jiwa-jiwa mereka, kerana mereka meninggikan serta menyombongkan jiwanya yang rosak. (Al-Zamakhshari: 2009)

Analisis dalam surah ini, menurut kedua-dua tafsiran azab yang akan diperolehi oleh orang-orang yang mengumpulkan harta adalah dia akan dilemparkan ke dalam huthamah bersama hartanya, kerana ia mengira bahawa dia akan hidup kekal di dunia ini. Disebut demikian kerana neraka itu akan menghancurkan penghuninya. Ibnu Kathir juga memberi penerangan dengan menggunakan pendapat para sahabat.

## 3.4 Azab Tidak Mati

### 3.4.1 Surah Al-A’la ayat 12-13:

الَّذِي يَصَلِّي النَّارَ الْكُبْرَى ﴿١٢﴾ ثُمَّ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَى ﴿١٣﴾

Maksudnya: (Iaitu) orang yang akan memasuki api yang besar (neraka) (12), selanjutnya dia di sana tidak mati dan tidak (pula) hidup (13).

Menurut tafsir Ibnu Kathir firman Allah, (الَّذِي يَصَلِّي النَّارَ الْكُبْرَى . ثُمَّ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَى ). (Iaitu) orang yang akan memasuki api yang besar (neraka). Kemudian dia tidak mati di alamnya dan tidak (pula) hidup”. Maksudnya tidak mati sehingga dapat beristirahat dan tidak juga menjalani kehidupan yang memberikan manfaat kepadanya, bahkan kehidupan itu malah mencelakannya, kerana dengan kehidupan itu dia merasakan apa yang menyimpannya, azab yang pedih dan berbagai macam seksaan. (Ibnu Kathir: 2008)

Menurut tafsir az-Zamakhshari النار الكبرى yang bermaksud merujuk kepada tingkatan-tingkatan neraka yang paling bawah. Ada pendapat lain mengatakan النار الكبرى merujuk kepada neraka jahanam, kalau النار الصغرى api dunia. Ada pendapat lain juga bermaksud sesungguhnya rasa sakit antara hidup dan mati lebih mengerikan dari sekadar masuk api neraka dan ia akan hancur dari setiap tingkat seksaan yang teruk. Maksudnya; dia tidak akan mati sehinggalah dia menjadi senang dan tidak dapat hidup yang dapat memberi manfaat kepadanya. (Al-Zamakhshari: 2009)

Analisis dalam surah ini, menurut tafsiran Ibnu Kathir beliau mengatakan azab orang yang memasuki api neraka, dia tidak akan mati di dalamnya. Bahkan apa yang menyimpannya itu adalah seksaan yang berupa azab yang pedih. Manakala az-Zamakhshari pula mengatakan neraka itu mempunyai beberapa tingkat. Beliau juga menafsirkan maksud neraka dengan menggunakan pendapat lain.

### 3.4.2 Surah Al-Masad ayat 3-5:

سَيَصَلَّىٰ نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ ﴿٣﴾ وَأَمْرَأَتُهُ حَمَّالَةَ الْحَطَبِ ﴿٤﴾ فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ ﴿٥﴾

Maksudnya: Kelak dia akan masuk ke dalam api yang bergelojak (neraka) (3), dan (begitu pula) isterinya, pembawa kayu bakar (penyebarkan fitnah) (4), di lehernya ada tali dari sabut yang dipintal (5).

Menurut tafsir Ibnu Kathir Firman-Nya, ( سَيَصَلَّىٰ نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ ) “Kelak dia akan masuk ke dalam api yang bergelojak.” Yakni, api yang memiliki bunga api yang besar dan daya bakar yang sangat panas. ( وَأَمْرَأَتُهُ حَمَّالَةَ الْحَطَبِ ) “Dan (begitu pula) isterinya, pembawa kayu bakar”. Dan isterinya yang termasuk wanita Quraisy terhormat, iaitu Ummu Jamil dan namanya Arwa binti Harb bin Umayyah, dia menjadi pembantu setia suaminya dalam kekufuran, keingkaran, dan perlawanannya. Oleh kerana itu, pada hari Kiamat kelak dia pun akan menjadi pembantu suaminya dalam menjalani seksaan-Nya di neraka Jahanam. Oleh kerana itu, Allah Ta’ala berfirman, ( حَمَّالَةَ الْحَطَبِ فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ ) “Dan (begitu pula) isterinya, pembawa kayu bakar, yang di lehernya ada tali dari sabut”. Yakni dia biasa membawa kayu bakar dan menyerahkannya kepada suaminya untuk menambah (berat) apa yang dia alaminya itu, sedang dia sentiasa siap melakukan hal tersebut.

( فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ ) “yang di lehernya ada tali dari sabut.” Mujahid dan Urwah mengatakan: “Dari sabut neraka.” Dari Mujahid, ‘Ikrimah, al-Hasan, Qatadah, ats-Tsauri, dan as-Suddi, ( حَمَّالَةَ الْحَطَبِ ) “Pembawa kayu bakar,” di mana isterinya ini biasa berkeliling untuk melancarkan adu domba. Dan pendapat itu pula yang menjadi pilihan Ibnu Jarir.

Al-‘Aufi meriwayatkan dari Ibnu ‘Abbas, ‘Athiyah al-Jadali, adh-Dhahhak dan Ibnu Zaid: “Dia biasa meletakkan duri di jalanan (yang dilalui) Rasulullah s.a.w.” Dan yang benar adalah pendapat yang pertama. Wallaahu a’lam. Sa’id bin al-Musayyab mengatakan: “Dia memiliki kalung yang sangat mewah. Dan dia mengatakan: ‘Aku akan dermakan kalungku ini untuk memusuhi Muhammad’. Yakni, sehingga Allah akan menimpakan (azab) dengan

meletakkan tali di lehernya yang terbuat dari sabut neraka.” Ibnu Jarir meriwayatkan dari asy-Sya’bi, dia mengatakan: “*Al-Masad* bererti serabut”. Urwah bin az-Zubair mengatakan: “*Al-Masad* bererti rantai yang panjangnya 70 hasta”.

Mengenai firman-Nya, ( فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ ) “yang di lehernya ada tali dari sabut”, Mujahid mengatakan: “yakni kalung dari besi.” Sedangkan Ibnu Abi Hatim pernah meriwayatkan dari Asma’ binti Abi Bakar, dia berkata: “ketika turun ayat, ( تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ ) “Binasalah kedua tangan Abu Lahad,” seorang wanita yang buta sebelah matanya, Ummu Jamil binti Harb muncul, di mana dia mempunyai lengkingan (suara) yang sangat tinggi sedang di tangannya terdapat batu. Dia mengatakan:

مذمما أيينا \* ودينه قلينا \* وأمره عصينا

‘Dia orang hina yang kami abaikan, agamanya kami remehkan, dan perintahnya pun selalu kami derhakai.’

Para ulama mengatakan: “Dan di dalam surah ini terkandung mukjizat yang sangat nyata dan dalil yang sangat jelas tentang kenabian, di mana sejak firman Allah Ta’ala ini turun: ( سَيَصْلَى ) “Kelak dia akan masuk ke dalam api yang bergelojak. Dan (begitu pula) isterinya, pembawa kayu bakar. Yang di lehernya ada tali sabut,” (melalui ayat ini) Allah mengabarkan bahawa keduanya akan mendapat kesengsaraan dan tidak beriman. Keduanya atau salah satu dari keduanya tidak akan pernah beriman, baik lahir mahupun batin, secara sembunyi-sembunyi mahupun terang-terangan. Dan hal itu merupakan bukti yang paling kuat dan jelas yang menunjukkan kenabian. (Ibnu Kathir: 2008)

Menurut tafsir az-Zamakhshari سَيَصْلَى bermaksud Sin itu boleh dibaca dengan fathah atau dommah. Ertinya untuk ancaman. Maksudnya, tetap dan pasti sekalipun waktunya ditangguhkan (dia akan masuk neraka juga). (Isterinya) bernama ummu Jamil binti Harb, adik kepada Abu Sufyan. Dia sentiasa membawa seikat kayu bakar dan tumbuh-tumbuhan yang berdiri, kemudian meletakkannya pada malam hari di tempat jalan Rasulullah saw. Ada pendapat; dia berjalan sambil mengadu domba. Pendapat lain; berjalan mengadu domba yang merosakkan antara manusia sambil membawa kayu bakar. Ertinya; dia menyalakan api kebencian antara manusia dan mewariskan keburukan.

“*Wamraatuhu*” bermaksud dirafakkan kerana menjadi domir atas *sayasla*. Dia akan masuk neraka bersama isterinya.

( فِي جِيدِهَا ) menjadi ‘hal’ atau permulaan ditempatnya khabar. ( حَمَّالَةً ) satu pendapat mengatakan dibaca nasab untuk mencela. Saya (pengarang) suka dengan qiraat ini. Dan sungguh Ummu Jamil adalah orang yang paling suka mencela Rasulullah saw.

مَسَدٍ yang bermaksud sesuatu yang dipintal dengan tali pintalan yang kuat samada dari sabut, kulit atau selain keduanya. Maksudnya dilehernya ada tali pintalan dari sabut sambil membawa seikat kayu bakar dari duri dan mengikatkan di lehernya sepertimana yang dilakukan pembawa kayu bakar untuk menghinakan keadaannya. Sebahagiannya memilih pembawa kayu bakar itu adalah al-Fadal bin al-Abbas Ibn Uthbah Ibn Abi Lahab. (Al-Zamakhshari: 2009)

Maksudnya membawa keadaannya dalam neraka jahanam yang sentiasa membawa seikat kayu bakar dari duri. Maka sentiasa ada dipunggunya seikat kayu bakar dari api yang berasal dari pohon zaqqum atau pohon yang berduri. Manakala dilehernya ada tali dari sabut dari dasar api neraka sebagaimana seksaan orang yang berdosa mengikut keadaan kesalahannya. (Sya'labi)

Analisis dalam surah ini, menurut tafsiran Ibnu Kathir beliau mengatakan Abu Lahad dan isterinya akan diazab iaitu mereka masuk ke dalam neraka, kerana isterinya selalu membantu suaminya dalam kekufuran. Kerana itu jugalah dia diseksa di neraka jahanam dan dilehernya ada tali dari sabut neraka. Manakala dalam tafsiran az-Zamakhshari ketika memberi penerangan, beliau menggambarkan isteri Abu Lahad dalam neraka jahanam akan membawa seikat kayu bakar dari duri dan dilehernya juga ada tali dari sabut neraka.

### 3.5 Ditimpa Cemeti Azab:

#### 3.5.1 Surah Al-Fajr ayat 13:

فَصَبَّ عَلَيْهِمْ رَبُّكَ سَوْطَ عَذَابٍ ﴿١٣﴾

Maksudnya: Kerana itu Tuhanmu menimpakan cemeti azab kepada mereka (13).

Menurut tafsir Ibnu Kathir firman Allah Ta'ala, ( فَصَبَّ عَلَيْهِمْ رَبُّكَ سَوْطَ عَذَابٍ ) “Kerana itu Rabbmu menimpakan kepada mereka cemeti azab.” Yakni, Dia menurunkan azab dari langit kepada mereka dan menimpakan hukuman kepada mereka, yang tidak akan dapat dihentikan dari orang-orang yang berdosa itu. (Ibnu Kathir: 2008)

Menurut tafsir az-Zamakhshari “Maka Tuhan menimpakan kepada mereka paluan azab” maksudnya ditimpakan padanya azab dan menjadi pengsan. Disebutkannya ‘paluan azab’ sebagai isyarat seksaan teruk yang mereka terima di dunia. Ini sama dengan apa yang akan terjadi di akhirat. Dari Amr bin Ubaid, dia berkata; Imam Hasan apabila membaca ayat ini, dia berkata; sesungguhnya Allah mempunyai beberapa palu yang banyak, maka mereka diseksa dengan salah satu paluan tersebut. (Al-Zamakhshari: 2009)

Analisis dalam surah ini, menurut tafsiran Ibnu Kathir beliau mengatakan bahawa Allah akan menimpakan azab kepada mereka iaitu sebagai hukuman kepada mereka. Manakala az-Zamakhshari pula memberi maksud azab itu sebagai isyarat teruk yang mereka terima di dunia dan apa yang terjadi di akhirat juga. Az-Zamakhshari juga menafsirkan ayat ini dengan memberi pendapat para ulama.

### 4.0 Kesimpulan

Kebanyakan ayat azab di dalam surah juz ‘amma ia lebih memberi tumpuan azab kepada orang kafir, orang musyrik, orang munafik serta berdusta, celaka, orang derhaka dan berdosa.

Berdasarkan kepada kitab tafsir Ibnu Kathir ia lebih terperinci dalam menghuraikan maksud berbanding dengan kitab tafsir az-Zamakhshari kerana ia berlainan mazhad dalam pengangan yang menyebabkan ia mempengaruhi tafsirannya. Seperti contoh perbezaan ahli Sunnah dengan mu'tazillah.

Kaum mu'tazillah berpendapat, bahawa buruk dan baik ditentukan oleh aqal. Mana yang baik kata aqal baiklah dia dan mana yang buruk kata aqal buruklah dia.

Kepercayaan seperti ini tidak dibenarkan oleh kaum Ahlussunnah Wal Jama'ah, kerana yang menentukan buruk dan baik itu adalah Tuhan dan Rasul-Nya, atau katakanlah Qur'an dan Sunnah bukan aqal.

Bagi Ahlussunnah, aqal itu dipakai untuk meneliti sebagai alat pelaksana, bukan untuk menentukan hukum sesuatu. Yang sebenar-benarnya berhak menentukan hukum-hukum adalah Qur'an dan Sunnah, yang lain tidak. Di akui oleh kaum Ahlussunnah bahawa aqal itu diberi sewenang-wenangnya untuk memahami tiap sesuatu, baik masalah yang kecil atau pun masalah besar, dan bahkan untuk mengenali wujud-Nya Allah dan sifat-sifatNya dipergunakan juga aqal fikiran.

Akan tetapi dalam menetapkan hukum, ini halal-ini haram, ini pahala-ini dosa, dan menetapkan hal-hal yang terjadi di alam ghaid, seperti syurga dan neraka, hari penghisaban dan hari pembalasan, semuanya itu hanya ditetapkan oleh syari'at dari Tuhan, kerana agama itu punya Tuhan, bukan punya aqal. (Siradjuddin Abbas: 2010)

### **Rujukan**

- Abdullah Yasin. (t.t) *Azab dan nikmat kubur dalam al-Quran dan Hadis*.
- Abu Syahbah, Muhammad bin Muhammad. 2014. *Isra'iliyyat dan Hadith Palsu dalam Kitab-kitab Tafsir*. Selangor. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abu al-Fida'Al-Hafiz Ismail Ibn Kathir. 2005. *Sejarah Tamadun Islam Ibn Kathir*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ahmad Muhammad al-Hufi. (t.t). *Al-Zamakhsyari*.
- Anshori. (t.t). *Studi Kritis Tafsir Al-Kasysyaf*.
- Az-Zamakhsyari Al-khawarizmi, Abi Qasim Jarullah Mahmud Bin Umar. 2009. *Tafsir al-Kasysyaf 'An Haqaiqi Tanzil wa Uyunin Aqawil fi wujuhit Ta'wil*. Beirut. Lebanon. Dar al-Makrifah.
- Dilan Iman Adilan. (t.t). *az-Zamakhsyari dan tafsirnya al-Kasyaf*.
- H. Syahrin Harahap, MA. Hasan Bakti Nasution, M. Ag. 2003. *Esiklopedi Aqidah Islam*. Jakarta. Kencana.
- Ishaq alu syaikh, Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman. 2008. *Tafsir Ibnu Kathir*. Jakarta. Tim Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- J.M. Echols and Hassan Shadily. 1996. *Kamus Inggris Indonesia*. Jakarta. PT Gramedia Pustaka Utama.
- K.H. Siradjuddin Abbas. 2010. *I'tiqad Ahlussunnah Wal Jamaah*. Jakarta. Pustaka Tarbiah Baru.
- K.H. Qamaruddin Shaleh. 2006. *Ayat-ayat Larangan dan Perintah dalam al-Quran: Pedoman Menuju Akhlak Muslim*. Bandung. Diponegoro.
- Mahmud bin Abdullah al-Alusy. (t.t). *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'ani al-Adzim wa al-Sab'ul Matsani*.
- M. Quraish Shihab. 2016. *Tafsir Al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati.



- M. Quraish Shihab, M.A. 2007. *Wawasan al-Quran: Tafsir Maudhu'i atas pelbagai persoalan umat*. Bandung. PT Mizan Pustaka.
- Mohammad Kayun Bin A. Badaruddin. 2008. *Manusia dan Bencana*. Kuala Lumpur. Media Satria Sdn. Bhd.
- Muhammad Ramdhoni. (t.t). *Metodologi Tafsir Al-Qur'anul Azhim* (Ibnu Kathir).
- Nur Hidayah. 2009. *Penafsiran ayat-ayat sumpah Allah dalam al-Quran dalam Tafsir Aisyah Bt al-Syahti, Tafsir Ibnu Kathir dan at-Thabari*.
- Khalid Ibrahim. 2014. *Tafsiran Melayu Juzu 'Amma*.
- Sarb. B. P. 2002. *Al-Munjid fillugoh wal-A'lam*. Libanon. Dar el-Machreg Riad el Solh Beyrouth.
- Shahrezab Ibrahim. 2002. *Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Solahuddin al-Ashani. 2014. *Seksaan & Rintihan Penghuni Neraka*. Selangor Darul Ehsan. Pustaka Ilmi.
- Tim Redaksi. 2008. *Ensiklopedi Hukum Islam*. 6 Jilid. Jakarta. PT Ichtiar baru Van Hoeve.
- Tim Redaksi. 2008. *Ensiklopedi Islam*. 8 Jilid. Jakarta. PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Wahbah Zuhaili, Muhammad Adnan Salim, Muhammad Rusydi Zain, Muhammad Wahbi Sulaiman. 2007. *Ensiklopedia al-Quran*. Jakarta. Gema Insani.
- Zaidan Abdur Rauf. 2004. *Himpunan kisah-kisah berhikmah*. Jasmin Enterprise.
- Zulkifli Mohd Yusoff. 2009. *Kamus al-Quran*. Selangor. Pts Islamika Sdn.Bhd.

## **Jurnal**

- Ajat Sudrajat. (t.t). *Hari Kebangkitan dalam al-Quran/ kasus dalam juzu 'Amma*.
- Al Fitri, S.Ag, S.H., M.H.I. (t.t). *Bahan Bakar Neraka Manusia Dan Batu*.
- Iskandar Arnel. (t.t). *Azab Dalam Eskatologi Ibn 'Arabi*.
- Muhammad Ali Abazi. (t.t). *Al-Mufasssirun Hayatuhum wa Manhajuhum*. (Thaheran: Muassasah al-Thabaah wa al-Nasyr Wizarah al-Tsaqafiyah wa al-Irsyad al-Islami).
- Mulyani. 2006. *Analisis Semantik Tentang Azab dalam Al-Quran (konsep Asy'ariyyah dan Mu'takzillah)*.
- Sa'id Abu Ukasyah. 2015. *Larangan Syirik Kecil dalam al-Quran*. Artikel Muslim. Or. Id.